

## Program Pemulihan Luar Penjara bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia

Rehabilitation Programme Outside Prison for Syariah Criminal Offenders: A Study in Malaysian Prison Department

HASNIZAM HASHIM  
HENDUN ABD. RAHMAN SHAH  
AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN  
MUALIMIN MOCHAMMAD SAHID  
SYARYANTI HUSSIN

### ABSTRAK

*Penjara pada masa kini sebenarnya bukan sahaja menjadi tempat menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik pesalah agar menjadi individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab setelah mereka kembali ke pangkuhan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, agenda pemulihan pesalah jenayah termasuk pesalah jenayah syariah adalah merupakan agenda utama kerajaan dalam usaha mengurangkan kadar jenayah. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Malaysia melalui Pelan Hala Tuju Transformasi telah memberi penekanan terhadap kepentingan memperbaiki program pemulihan tidak hanya di dalam penjara bahkan turut melaksanakan pelbagai program pemulihan di luar penjara dalam usaha mempersiapkan pesalah jenayah agar dapat kembali semula ke pangkuhan masyarakat apabila mereka dibebaskan sepenuhnya. Penulisan yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan menjelaskan mengenai program pemulihan di luar penjara yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia ke atas pesalah jenayah syariah yang menjalani hukuman penjara. Penulisan dibuat dengan merujuk kepada dokumen berkaitan modul pemulihan serta temu bual pakar. Penulisan ini penting bagi mengetengahkan pengalaman Jabatan Penjara Malaysia dalam membangun dan melaksanakan modul pemulihan bagi pesalah jenayah di luar penjara. Kajian mendapati bahawa pembangunan modul pemulihan bagi pesalah jenayah syariah yang menjalani program pemulihan di luar penjara adalah seimbang dengan mengambil kira aspek pemulihan fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program pemulihan di luar penjara bagi pesalah Syariah ini sebenarnya perlu dilihat dan dikaji semula dari segi kerelevannya.*

*Kata kunci:* Program Pemulihan luar Penjara; Pesalah Jenayah Syariah; Jabatan Penjara Malaysia

### ABSTRACT

*Nowadays, prison is not merely a place for offenders to serve sentencing. Rather it becomes an institution that carry a responsibility to rehabilitate, assist and educate the offenders to be a well-disciplined and responsible person when they return back to the society. In the Malaysian context, the rehabilitation process for the criminal offenders is one of the main agendas of the government in the efforts to reduce the crimes rate. The government through the Transformation Plan has emphasized the importance of improving the rehabilitation program not only inside the prison, but also implement various rehabilitation program outside the prison with the aim to prepare the offenders with life after they were released from the prison. This paper engages qualitative method. It refers to the documents relating to Rehabilitation Module, as well as conducts interview with the experts. It focuses on rehabilitation programmes outside prison that have been employed against the Syariah criminal offenders by the Malaysian Prison Department. The paper is significant as it highlights the experience of the Prison Department in developing and implementing rehabilitation module for the offenders outside the prison. The finding of the paper suggests that the development of the rehabilitation module for the Syariah Offender who are serving sentencing outside the prison are just and balance, which covers various aspect ranging from physical, mental, attitude, akhlak and spiritual. However, the implementation of rehabilitation programmes outside prison for Syariah offenders may need to be reviewed on its relevance.*

*Keywords:* Rehabilitation Programme Outside Prison; Syariah Criminal Offenders; Malaysian Prison Department

## PENGENALAN

Di Malaysia, sistem keadilan jenayah adalah unik kerana terdapat dua sistem keadilan jenayah yang berjalan selari namun saling tidak menyokong antara satu dengan yang lain (Raja Badrol Hisham bin Raja Mohd Ali 2014). Ini disebabkan oleh pemakaian khusus satu sistem keadilan tersebut ke atas satu kelompok masyarakat tertentu. Kedua-dua sistem keadilan jenayah tersebut ialah sistem keadilan jenayah Sivil dan sistem keadilan jenayah Syariah (Raja Badrol Hisham Raja Mohd Ali 2014).

Apabila seseorang tertuduh di dalam suatu kes jenayah, baik sivil maupun syariah mengaku salah atau didapati salah dan disabitkan dengan kesalahan (atau kesalahan-kesalahan) yang dia dipertuduhkan, Mahkamah akan menjatuhkan hukuman. Kebiasaannya peruntukan hukuman bagi sesuatu kesalahan menetapkan hukuman maksima yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah; sama ada ia berupa hukuman denda atau penjara atau sebat atau gabungan daripada hukuman-hukuman tersebut. Di samping hukuman maksima, ada kesalahan yang membawa hukuman minima yang mesti dijatuhkan. Tidak kurang juga kesalahan yang mempunyai hukuman mandatori (Asmadi Husin 2011). Bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah setiap mahkamah bergantung pada hierarki Mahkamah dan sistem keadilan jenayah di Mahkamah tersebut diletakkan (Kanun Keseksaan (Akta 574), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593), Akta Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah 1984 (Akta 355).

Hanya mahkamah sahaja yang boleh menjatuhkan hukuman penjara ke atas seseorang yang dituduh melakukan kesalahan jenayah setelah melalui proses perbicaraan. Tertuduh yang disabitkan dengan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara dikenali sebagai banduan. Terdapat tiga tujuan utama hukuman penjara iaitu sebagai pembalasan, pengajaran dan pemulihan. Peranan penting yang perlu dilaksanakan oleh pihak penjara ialah menahan, melindungi dan memulihkan banduan. Menurut Dato' Seri Haji Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia, dalam memahami konsep kepenjaraan masa ini, penjara adalah tempat bagi mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah akan ditahan, dikawal dan menjalani pelbagai program pemulihan. Penjara sebenarnya bukan sahaja merupakan tempat untuk menghukum mereka yang melakukan kesalahan, namun lebih menjurus sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk memulih, memimpin dan mendidik insan pesalah agar menjadi individu yang

berdisiplin dan bertanggung jawab setelah mereka kembali ke pangkuhan masyarakat (Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar 2014). Bagi pesalah jenayah syariah juga, apabila Mahkamah Syariah telah menjatuhkan hukuman, maka langkah seterusnya ialah pelaksanaan hukuman tersebut. Bagi pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara, penahanan dan pemulihan akan dijalankan di bawah penjara sivil.

Program pemulihan yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah turut merangkumi pesalah syariah dan pesalah jenayah sivil. Menurut TKPj Jamaludin Saad, pelaksanaan pemulihan pesalah samada pesalah sivil atau syariah di Jabatan Penjara Malaysia meletakkan objektifnya sebagai ‘memulihkan pesalah supaya bersikap positif dan memiliki nilai murni agar dapat kembali ke pangkuhan masyarakat apabila dibebaskan sebagai individu yang normal (TKPj Jamaludin Saad 2015; KH Mohammad Jodi 2018). Objektif ini memberikan penekanan yang tinggi terhadap keberkesanan pemulihan yang dilaksanakan terhadap pesalah. Kegagalan dalam proses pemulihan akan menyebabkan pesalah pulang kepada masyarakat dengan tabiat dan perlakuan asal yang akan memberi impak negatif terhadap kestabilan dan keharmonian sosial (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Program pemulihan banduan atau pesalah di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia boleh di bahagikan kepada dua kategori iaitu Program Pemulihan dalam Penjara dan Program Pemulihan Luar Penjara (Program Pemasyarakatan Banduan atau Program Pemulihan Pemasyarakatan). Namun demikian, penulis di dalam penulisan ini hanya akan membincangkan tentang Program Pemulihan Luar Penjara atau Program Pemulihan Pemasyarakatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia sahaja.

## SEJARAH PERKEMBANGAN PROGRAM PEMULIHAN LUAR PENJARA BAGI PESALAH JENAYAH SYARIAH OLEH JABATAN PENJARA MALAYSIA

Sehingga kini, terdapat 33 buah penjara di Malaysia (Hasnizam Hashim 2018). Dari segi sejarah, penjara di Malaysia sudah berusia 225 tahun, hampir sama usianya dengan penjara-penjara lain di dunia (Mohd Samsudin 2014). Penjara yang ada di Malaysia pada hari ini adalah sesuatu yang diwarisi daripada pihak British (Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar 2014). Semasa pentadbiran British, penjara

adalah merupakan tempat untuk menghukum dan menyeksa pesalah semata-mata. Namun demikian, selepas negara beroleh kemerdekaan, Jabatan Penjara Malaysia dari semasa ke semasa telah mula memperkenalkan pelbagai program pemulihan pesalah (Pamflet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia).

Dari segi sejarah pelaksanaan program pemulihan di luar penjara, Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 1980-an pernah memperkenalkan satu bentuk pemulihan berupa program khidmat di luar penjara yang dinamakan sebagai Sistem Ibrahim. Banduan yang terpilih dalam program ini telah dibenarkan bekerja dalam perusahaan ladang tebu di Padang Terap, Kedah sebagai program mengembalikan banduan ke pangkuhan keluarga dan masyarakat. Program ini seterusnya diperluas menggunakan kaedah yang diintegrasikan melalui aktiviti pemulihan, vokasional, agama dan latihan fizikal (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Pada 8 Februari 2014, konsep penjara sejahtera telah diperkenalkan bagi memperkasakan pengurusan kepenjaraan dan mematuhi standard dan piawaian antarabangsa selaras dengan pendekatan penjara sebagai institusi koreksional. Konsep Penjara Sejahtera telah dicetuskan oleh Menteri dalam Negeri pada ketika itu. Konsep Penjara Sejahtera adalah merupakan transformasi utama Jabatan Penjara Malaysia ke arah pencapaian dua matlamat unggulnya iaitu penahanan yang selamat dan pemulihan yang berkesan (Jabatan Penjara Malaysia, 2014). Menurut Dato' Seri Zulkifli bin Omar, penjara sejahtera ini diperkenalkan dengan tanggapan bahawa seseorang itu mampu diubah dan dibentuk menjadi insan yang lebih baik dan seterusnya tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan (Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar 2014). Berdasarkan konsep ini, penjara sejahtera ialah sebuah penjara yang mempunyai persekitaran penahanan yang kondusif dari segi keselamatan, pemulihan, layanan dan pemasyarakatan. Dari segi keselamatan, penghuni penjara akan dikawal dengan selamat ketika berada di dalam penjara dan ketika mengadakan aktiviti di luar penjara. Pemulihan pula akan memastikan penghuni penjara akan diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada mereka. Setiap penghuni yang menjalani hukuman penjara akan dilayan dengan menghormati hak mereka sebagai manusia. Elemen pemasyarakatan dalam konsep penjara sejahtera akan memastikan persediaan penghuni

yang dibebaskan supaya dapat kembali kemula ke pangkuhan masyarakat dan pada masa yang sama dapat mengurangkan kadar residivis (Hasnizam Hashim 2018).

## DEFINISI PROGRAM PEMULIHAN LUAR PENJARA

Program Pemulihan di luar penjara dikenali juga sebagai Program Pemulihan Pemasyarakatan atau Program Pemasyarakatan Banduan. Program ini adalah lanjutan daripada program pemulihan di dalam penjara (Jabatan Penjara, KDN, 2015). Program Pemulihan Pemasyarakatan atau Program Pemasyarakatan Banduan membawa maksud aktiviti pemulihan banduan dilaksanakan di luar penjara bagi pesalah yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Program ini meliputi aktiviti pemulihan dan proses integrasi pesalah dalam masyarakat seperti melakukan khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar, bekerja dalam perusahaan di kilang-kilang, sektor perladangan dan pertanian, kursus-kursus atau aktiviti-aktiviti lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Penjara. Program Pemulihan Pemasyarakatan ini secara umumnya boleh melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) (TKPj Jamaludin Saad 2015).

## OBJEKTIF PROGRAM PEMULIHAN LUAR PENJARA

Pemulihan adalah satu proses penyaluran semula banduan kepada nilai dan peraturan masyarakat. Secara amnya, Program Pemulihan Luar Penjara atau Program Pemulihan Pemasyarakatan ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada pesalah dan sebagai persediaan awal kepada mereka untuk pengintegrasian dan penyesuaian semula ke dalam masyarakat sebelum mereka dibebaskan. Program ini adalah merupakan salah satu usaha untuk membantu banduan dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat, mendorong mereka berkelakuan baik dan meningkatkan tahap disiplin di samping sebagai motivasi untuk mereka mengekalkan perubahan sikap yang baik. Hasil daripada upah yang diperolehi dengan menyertai program ini juga membolehkan mereka menyumbang secara ekonomi kepada pendapatan keluarga (TKPj Jamaludin Saad 2015).

## PERUNTUKAN PERUNDANGAN BERKAITAN PROGRAM PEMULIHAN LUAR PENJARA

Pelaksanaan Program Pemulihan Pemasyarakatan di luar penjara adalah berdasarkan Akta Penjara 1995 dan Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen 47(1), Akta Penjara 1995 menyatakan bahawa seseorang banduan yang dijatuhkan atau yang akan dijatuhkan sesuatu hukuman pemerintahan semasa tempoh hukumannya itu adalah tertakluk:

(b) untuk menjalankan apa-apa kerja sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai yang Menjaga dan, setakat yang praktik, kerja itu hendaklah dijalankan-(iii) di luar batasan penjara sebagaimana yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral.

Pelaksanaan Program Pemasyarakatan banduan ini juga bukanlah merupakan kerja paksa. Hal ini dinyatakan di dalam Perkara 6(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

‘Kerja berkaitan dengan menjalankan hukuman penjara yang dijatuhkan oleh Mahkamah tidak dikira sebagai kerja paksa dalam erti perkara ini’. Dari segi jagaan dan kawalan ke atas banduan yang menjalani Program Pemasyarakatan ini, Seksyen 26 (1)(c) Akta Penjara 1995 memperuntukkan bahawa kawalan adalah di bawah Pegawai Penjara. Tempat kerja untuk banduan menetap pula akan diwartakan sebagai penjara (Akta Penjara 1995).

### KATEGORI BANDUAN YANG LAYAK MENYERTAI PROGRAM PEMULIHAN LUAR PENJARA

Bukan semua banduan/ pesalah yang menjalani hukuman penjara akan dibenarkan menyertai program pemasyarakatan banduan di luar penjara. Banduan Hukuman Mati, Banduan Hukuman Seumur Hayat, Banduan Tahanan Limpah Sultan, Banduan Kesalahan Seksual, Tahanan Reman, Tahanan Buang Daerah/ Sekatan Kediaman (POPOC), Tahanan Pencegahan Khas 1985 (LLPK) dan Tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Penghuni Juvana (Sekolah Henry Gurney), banduan yang dikomitkan untuk dibicarakan dan banduan yang dikurung kerana tiada penjamin adalah tidak layak menyertai program pemulihan masyarakat (Program Pemasyarakatan Banduan 2015). Banduan selain kategori ini, termasuk banduan warganegara atau bukan warganegara, mereka adalah layak untuk menyertai Program Pemasyarakatan Banduan di

luar penjara dengan syarat-syarat tertentu. Mereka disyaratkan telah menjalani hukuman pemerintahan selama tempoh satu tahun dan ke atas, telah menjalani tempoh pemulihan dalam penjara (PPI) dengan jayanya, dan baki hukuman pemerintahan mereka tidak lebih daripada 24 bulan (Program Pemasyarakatan Banduan 2015).

### BENTUK-BENTUK PROGRAM PEMULIHAN LUAR PENJARA DAN KAEDAH PELAKSANAAN

Program Pemulihan Luar Penjara atau Pemulihan Pemasyarakatan bagi banduan terpilih yang menjalani sebahagian hukuman di dalam penjara dan sebahagiannya lagi di luar penjara adalah seperti berikut.

#### PAROL

Institusi Parol di Malaysia adalah terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri dan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia bermula pada tahun 2008. Penghuni yang telah menjalani 4 fasa PPI dan lulus mendapat 80% dan ke atas adalah layak untuk menyertai Program ini. Sistem Parol yang dilaksanakan di Penjara Malaysia adalah berdasarkan sistem Parol di Australia (KDN, 2015).

Parol adalah merupakan pelepasan bersyarat (*conditional release*) bagi banduan sabitan yang hukumannya (hukuman penjara yang dijatuhkan ke atasnya satu tahun dan ke atas) adalah layak untuk dipertimbangkan pelepasan secara perintah parol setelah menjalani  $\frac{1}{2}$  daripada hukuman penjara kerana berkelakuan baik semasa berada di dalam penjara, tetapi perlu melibatkan diri dalam kerja-kerja amal yang berfaedah di luar penjara di bawah pengawasan dan penyeliaan pegawai parol (Normawati Binti Isa 2011). Berdasarkan (Akta Penjara 1995) (Pindaan 2007) Bahagian IVA seksyen 46a(d)), Parol bermaksud pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemerintahannya di luar penjara menurut sesuatu perintah parol (Akta Penjara 1995).

Objektif pelaksanaan parol adalah untuk pemulihan banduan dalam komuniti dengan mewujudkan kerjasama antara penjara dan komuniti bagi memulihkan banduan. Sistem ini mewujudkan jaringan dan kerjasama bijak masyarakat dan penjara secara langsung di dalam proses pemulihan banduan. Dengan cara ini, penghuni akan dapat dibantu untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat, mendorong

penghuni untuk berkelakuan baik, memberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan mewujudkan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat (TKPj Jamaludin Saad 2015). Parol merupakan proses kitar semula modal insan (*recycling of human capital*) yang dapat membantu menjana sosio-ekonomi masyarakat seterusnya mengurangkan kadar jenayah berulang termasuk anasir-anasir negatif yang lain untuk kebaikan negara (TKPj Jamaludin Saad 2015).

Dari segi pelaksanaan, parol hanya akan diberikan kepada banduan setelah proses penilaian yang ketat oleh Lembaga Parol yang terdiri daripada Pihak Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Lembaga Kehakiman, polis dan juga sokongan keluarga atau majikan sebagai penjamin kepada bakal Orang di Parol (ODP) itu sendiri (Khir Khalid 2013). Banduan yang diparol disifatkan menjalani hukuman penjara ketika tempoh parol dan diletakkan di bawah penjagaan dan pengawasan seorang pegawai parol terlatih sepanjang tempoh itu (TKPj Jamaludin Saad 2015). ODP yang terpilih akan dibenarkan kembali ke pangkuhan keluarga dan menjalani baki hukuman di rumah di bawah pengawasan pegawai parol, Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti, Jabatan Penjara Malaysia (Khir Khalid 2013).

Sebelum ODP dilepaskan secara Parol, Bahagian Parol Ibu Pejabat melalui jaringan kerjasama dengan Ibu Pejabat Parol Negeri dan Daerah akan membuat tinjauan tempat kediaman ODP dan menghubungi keluarga dan saudara mara mereka yang bersetuju menerima mereka untuk tinggal bersama semasa menjalani perintah Parol (Muna Khalid 2008).

Program Parol yang dilaksanakan ini melibatkan jaringan kerjasama dengan institusi kerajaan dan bukan kerajaan (Normawati Binti Isa 2011). ODP di benarkan bekerja di institusi yang telah ditetapkan dan menjalani kehidupan seperti biasa tetapi perlu berada di rumah pada waktu malam dan sentiasa di dalam kawasan yang ditetapkan. Segala urusan melangkaui perkara ini perlulah mendapat kelulusan pegawai parol terlebih dahulu. Mereka juga perlu melaporkan diri di Pejabat Parol Daerah masing-masing pada waktu yang ditetapkan selain diwajibkan menghadiri setiap program intervensi yang dilaksanakan sehinggalah dibebaskan sepenuhnya (Khir Khalid 2013). Pegawai Parol juga, dari semasa ke semasa akan melawat ODP di rumah atau di tempat kediaman dan tempat kerja mereka bagi memastikan proses parol berjalan lancar. Sekiranya ODP melanggar syarat yang telah

ditetapkan, perintah parol akan ditarik balik dan mereka akan dihantar semula ke penjara untuk meneruskan hukuman (Akta Penjara 1995).

#### PUSAT LATIHAN PEMASYARAKATAN (PULAP)

Program Pemulihan Pemasyarakatan (PULAP/*Community Rehabilitation Programme*) juga adalah lanjutan daripada program pemulihan di dalam penjara. Program ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan 2 (*National Blue Ocean Strategy 2*) (NBOS) yang telah dilancarkan oleh Mantan YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 26 Mac 2011 di Pusat Pemulihan Pemasyarakatan di Kem Mahkota Kluang, Johor (Zaini Hj Abd Ghani 2011). Antara objektif NBOS, selain daripada untuk pemulihan dan pemasyrakatan banduan, adalah untuk memanfaatkan sepenuhnya tenaga kerja sedia ada (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia 2015), mengurangkan kadar jenayah dan mengurangkan kadar residivis atau kes penjenayah berulang (Sinar Harian Online 2013).

Program Pemulihan Pemasyarakatan (PULAP) membawa maksud aktiviti pemulihan banduan dilaksanakan di luar penjara bagi pesalah yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, antaranya ialah telah mengikuti dan lulus bagi Fasa I dan Fasa II, PPI (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia 2015). Program Pemulihan Pemasyarakatan ini meliputi aktiviti pemulihan dan proses integrasi pesalah dalam masyarakat seperti melakukan khidmat masyarakat, khidmat bakti berbayar, bekerja dalam perusahaan di kilang-kilang, sektor perladangan dan pertanian, kursus-kursus atau aktiviti-aktiviti lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Penjara. (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia 2015) Melalui program yang dijalankan, pesalah akan mendapat pengalaman dalam menjalankan kegiatan ekonomi dan mereka boleh menggunakan setelah mereka dibebaskan dari Pusat Pemulihan Pemasyarakatan (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia 2015). Program ini juga memberi peluang kepada pesalah untuk belajar berbakti kepada masyarakat dan memupuk sikap baik dengan melakukan kerja-kerja berfaedah di luar penjara (Mohd Hisham Abdul Rafar 2011).

Dalam pelaksanaan program ini, pesalah atau Orang yang diselia (ODS) akan tinggal di Pusat Pemulihan Pemasyarakatan di kem-kem Tentera dan menjalani program di sini. ATM akan

menyediakan staf sokongan, infrastruktur, dan bantuan logistik termasuk aspek keselamatan (Zaini Hj Abd Ghani 2011). Pegawai dan anggota tentera yang terpilih akan ditugaskan untuk mengawas dan memantau orang yang diselia secara 24 jam sewaktu melaksanakan kerja-kerja di luar penempatan Banduan (*Confinement Area*) (Zaini Hj Abd Ghani 2011). Walau bagaimanapun, peranan ATM hanyalah bersifat *secondary role* sahaja. Pegawai dan anggota ATM yang bertugas sebagai Pembantu Warden adalah bertanggungjawab di dalam urusan kawalan umum dan tidak tertakluk terus di dalam urusan mengawal banduan semasa mereka berada di dalam kawasan perimeter penjara (Zaini Hj Abd Ghani 2011). Dalam erti kata lain, ODS masih di bawah kawalan Jabatan Penjara Malaysia (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia 2015).

Di kem-kem Pusat Pemulihan Pemasyarakatan ini, ODS akan menjalankan pelbagai pelbagai aktiviti penyelenggaraan seperti memotong rumput, mengecat, bertani dan projek perikanan. Setiap kerja yang dilakukan oleh banduan akan di bayar RM10. Pembayaran ini adalah merupakan salah satu usaha untuk memastikan agar banduan tidak lagi terlibat dengan jenayah lagi apabila keluar dari penjara kelak. Wang yang mereka kumpul juga boleh dijadikan bekalan melalui kehidupan (Siti Nur Fadzliana Ahmad Fesol 2012). ODS juga berpeluang mengikuti kelas keagamaan (Mohd Hisham Abdul Rafar 2011) dan juga kursus-kursus kemahiran jangka pendek yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Kolej Komuniti tempatan. Antara kursus jangka pendek yang dianjurkan adalah seperti kemahiran refleksologi, gunting rambut, asas perniagaan dan sebagainya bagi meningkatkan potensi untuk mencari pendapatan apabila mereka bebas nanti (Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia 2015). ODS juga diberi latihan dan kursus pembangunan kerjaya, bantuan modal serta peluang menyambung pelajaran ke peringkat tinggi (Sinar Harian Online 2013).

#### PEMBEBASAN BERLESEN

Program Pembebasan Berlesen telah diperkenalkan oleh Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2012 kepada banduan yang telah lama berada dalam tahanan sebagai sebahagian daripada program pemulihan dalam masyarakat (Asma Hanim Mahmood 2012). Pelepasan banduan secara lesen ini adalah satu keistimewaan yang diberikan kepada banduan yang layak atas alasan-alasan seperti

merapatkan hubungan kekeluargaan, mencari peluang pekerjaan, perancangan masa depan dan lain-lain perkara yang difikirkan wajar oleh Komisioner Jeneral (Pamflet Pelepasan Banduan Secara Lesen oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Kajang Selangor).

Dari segi pelaksanaan, banduan yang sudah berada 15 atau 20 tahun di penjara dan mempunyai baki hukuman dua tahun lagi serta tidak dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh banduan memohon pelepasan secara lesen akan diberi keutamaan ((Pamflet Pelepasan Banduan Secara Lesen oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Kajang Selangor). Mereka boleh memohon keluar sekejap untuk menjaga ibu yang sakit atau bagi keperluan membuat persediaan mencari pekerjaan baru (Asma Hanim Mahmood 2012).

Melalui Program Pembebasan Berlesen, banduan yang memohon akan diberi pelepasan sehingga tujuh hari dan pulang ke pangkuhan keluarga sekiranya dapat mengemukakan alasan serta tujuan munasabah seperti menjaga ibu yang sakit (Asma Hanim Mahmood 2012). Peluang banduan untuk mendapatkan pembebasan sementara ini tidak terhad untuk sekali kelulusan sahaja, malah banduan boleh memohnnya beberapa kali bergantung kepada keperluan masing-masing (Asma Hanim Mahmood 2012).

Dari segi objektif Program Pembebasan berlesen, menurut Ketua Pengarah Penjara, apabila banduan diberi pulang sebentar dalam tempoh tertentu sebelum mereka dibebaskan sepenuhnya, ini secara tidak langsung akan mengikat hubungan dengan keluarga dan sekali gus dapat mempercepat usaha untuk menyedar dan memulihkan mereka dan pada masa yang sama menjadi salah satu faktor mengurangkan kebarangkalian mereka melakukan jenayah berulang (Asma Hanim Mahmood 2012).

#### RUMAH PERANTARAAN (*HALFWAY HOUSE*)

Rumah Perantaraan Jabatan Penjara (*Halfway House*) diwujudkan oleh Kerajaan melalui Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2009 (Borneo Post Online 2013) sebagai landasan bagi memperkasakan program dan matlamat untuk memulihkan banduan dari dalam dan luar penjara sebelum mereka mendapat pekerjaan (Sinar Harian 2012). Sebanyak 14 buah Rumah Perantaraan (*Halfway House*) telah

dibina dan setiap negeri mempunyai sebuah rumah perantaraan serta telah beroperasi (Pamflet Rumah Perantaraan oleh Unit Rumah Perantaraan Bahagian dan Perkhidmatan Komuniti, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Kajang Selangor).

Rumah Perantaraan adalah merupakan premis tempat tinggal sementara yang disediakan sebagai kemudahan penginapan kepada banduan yang tidak mempunyai rumah atau yang tidak diterima keluarga selepas selesai hukuman penjara atau yang ‘ingin lari’ dari kegiatan lama mereka (Sinar Harian Online 2012). Premis ini turut menempatkan ODP yang tidak mempunyai keluarga (Utusan Online 2010). Melalui program ini, tempat tinggal, tempat riadah dan kelas-kelas pembelajaran dengan kemudahan makan dan minum akan disediakan oleh Jabatan Penjara dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) (Borneo Post Online 2013) bagi bekas banduan selama tempoh 3 bulan (Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri 2015). Dalam tempoh ini, banduan akan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan di samping khidmat sokongan kaunseling secara berterusan (Utusan Malaysia 12 November 2010).

Rumah Perantaraan sebagai ‘*treatment facility*’, selain berperanan untuk membantu bekas banduan mendapatkan pekerjaan, mengurangkan kes jenayah berulang dan mengelakkan bekas banduan terlibat kembali dengan tabiat apabila berjumpa dengan rakan-rakan mereka, akan dapat juga membantu mereka menangani masalah ‘*sosial stigma*’ apabila keluarga dan masyarakat tidak mahu menerima mereka kembali (Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri 2015).

## KESIMPULAN

Sistem perundangan sivil di Malaysia telah mengorak langkah dalam memperbaiki dan menaiktaraf sistem penghakiman daripada menghukum pesalah jenayah semata-mata kepada pemulihan. Malah, objektif pemulihan ini diambilkira dan diberikan pertimbangan oleh mahkamah sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan dengan harapan agar pesalah tidak akan mengulangi semula perbuatan jenayah selepas mereka dibebaskan. Selaras dengan ini, pelbagai peruntukan undang-undang yang menyokong hasrat ini telah digubal dan diwujudkan secara jelas diikuti dengan kaedah pelaksanaannya di institusi-institusi berkaitan termasuk di Jabatan Penjara Malaysia.

Dalam memulihkan pesalah, Jabatan Penjara Malaysia secara aktif telah memperkenal dan melaksanakan pelbagai program pemulihan di dalam dan di luar penjara. Program pemulihan dilaksanakan tanpa mengira samaada pesalah atau banduan tersebut adalah pesalah sivil ataupun syariah. Bagi pemulihan dalam penjara, Program Pembangunan Insan (PPI) telah diperkenalkan sebagai usaha pemulihan berteraskan pembentukan sikap, kemahiran dan pengetahuan. Bagi Program Pemulihan Luar Penjara pula, Parol, Pusat Latihan Pemasyarakatan (PULAP), Pembebasan Berlesen dan Rumah Perantaraan (*Halfway House*) telah diperkenalkan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada pesalah dan sebagai persediaan awal kepada mereka untuk pengintegrasian dan penyesuaian semula ke dalam masyarakat sebelum mereka dibebaskan. Program ini adalah merupakan salah satu usaha untuk membantu banduan dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat, mendorong mereka berkelakuan baik dan meningkatkan tahap disiplin di samping sebagai motivasi untuk mereka mengekalkan perubahan sikap yang baik. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program pemulihan di luar penjara bagi pesalah syariah ini sebenarnya perlu dilihat dan dikaji semula dari segi kerelevannya kerana rata-rata pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara hanyalah di dalam tempoh masa yang singkat serta tidak memungkinkan mereka menjalani program pemulihan di luar penjara. Justeru, wujud keperluan untuk mengkaji dan menghasilkan modul pemulihan spesifik untuk pesalah jenayah syariah bagi memungkinkan mereka menjalani program pemulihan di luar penjara sekaligus untuk memulihkan pesalah tersebut melalui program-program pemulihan yang dijalankan di penjara.

## RUJUKAN

- Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Disemak-1988) [Akta 355]
- Akta Penjara 1995 dan Peraturan-Peraturan [Akta 537] Bernama. 2012. 486 Bekas banduan di tempatkan di rumah perantaraan. *Sinar Harian Online*, 23 November. <http://www.sinarharian.com.my/486-bekas-banduan-ditempatkan-di-rumah-perantaraan-1.106500>.
- Anon. 2010. Jabatan Penjara rangka program pemulihan lebih efektif. *Utusan Online*, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1230&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_12.htm#ixzz3X4as4lgZ](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1230&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_12.htm#ixzz3X4as4lgZ). 30 Disember.

- Anon. 2010. Tiga Program Bantu Kurangkan Bilangan Banduan. *Utusan Online*. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1112&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_06.htm#ixzz3VptnDLtD](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1112&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_06.htm#ixzz3VptnDLtD). 12 November.
- Anon. 2013. Program Pemulihan Pemasyarakatan diperluas di 5 kem tentera. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/program-pemulihan-pemasyarakatan-diperluas-di-5-kem-tentera-1.166143>. 31 Mei.
- Anon. t.th. Program Pemasyarakatan Banduan. Slaid. Kajang: Jabatan Penjara Malaysia. <http://www.mod.gov.my/phocadownload/pemasyarakatanbanduan.pdf> [7 April 2015]
- Bernama. 2013. Rumah perantaraan bantu bekas banduan. *Borneo Post Online*. <http://www.theborneopost.com/2013/06/08/rumah-perantaraan-bantu-bekas-banduan/>. 8 Jun.
- Asma Hanim Mahmood. 2012. Program Pembebasan Berlesen. *Utusan Online*. [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120430/dn\\_18/Program-pembebasan-berlesen](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120430/dn_18/Program-pembebasan-berlesen). 30 April.
- Asmadi Husin. 2011. Kertas Kerja: Perlaksanaan Hukuman Alternatif: Aplikasi Di Mahkamah Sivil. *Seminar Pendakwaan Syariah*: Hukuman Alternatif Pendakwaan dan keberkesanan 2011 pada 1 November 2011 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam Selangor. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Hamdan Haji Puteh, Fazni Mat Arifin, Abdul Halim Ahmad dan Khairul Anuar Nordin. 2012. Idea Inovatif Pengaplikasian Konsep Blue Ocean Strategy dalam Perkhidmatan Awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam* 9(2): 33-42.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy, Chow Jen-T'Chiang & Ramalinggam Rajamanickam. 2018. Program Pemulihan dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* (Isu Khas): 73-74.
- Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. t.th. Program Pemulihan Pemasyarakatan Jabatan Penjara Malaysia. [http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan\\_inovasi/211-program-pemulihan-pemasyarakatan-jabatan-penjara-malaysia.pdf](http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan_inovasi/211-program-pemulihan-pemasyarakatan-jabatan-penjara-malaysia.pdf) [5 Mac 2015]
- Kanun Keseksaan [Akta 574]
- Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]
- Kementerian Dalam Negeri. 2012. Kenyataan Media-Majlis Pelancaran Rumah Perantaraan (Halfway House) Negeri Kelantan. <https://ms-my.facebook.com/notes/kementerian-dalam-negeri-kdn/kenyataan-media-majlis-pelancaran-rumah-perantaraan-halfway-house-negeri-kelanta/470415919645713> [14 April 2015]
- K H Mohammah Jodi. 2018. Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan dan Rawatan Dadah di Pengasih, Islamiyyat, 40(2): 141-149. (<https://doi.org/10.17576/islamiyat-2018-4002-06>)
- Khir Khalid. 2013. Orang DiParol. <http://www.khirkhalid.com/2013/11/orang-di-parol.html> [ 7 Mac 2015]
- Mohd Bin Samsudin. 2014. Kertas Kerja: Sejarah Penjara Moden Di Malaysia. *Seminar Sejarah Penubuhan Penjara di Malaysia* pada 16 Oktober 2014 bertempat di Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi UKM. Anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi FSSK UKM.
- Mohd Hisham Abdul Rafar. 2011. Harapan Baru Bagi Banduan di Kem Mahkota. *Berita Wilayah*. [http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/bm/news.php?cat=sl&id=588986](http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?cat=sl&id=588986). 25 Mei.
- Muna Khalid. 2008. Sistem Parol Dekatkan Banduan Dengan Masyarakat. *Bernama.com*, [http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news\\_lite.php?id=380847](http://www.bernama.com.my/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=380847). 30 Disember.
- Normawati binti Isa. 2011. Kertas Kerja: Perlaksanaan Sistem Parol Di Penjara. Seminar Pendakwaan Syariah: *Seminar Pendakwaan Syariah*: Hukuman Alternatif Pendakwaan dan keberkesanan 2011 pada 1 November 2011 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre, Shah Alam Selangor. Anjuran Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Pamflet Pelepasan Banduan Secara Lesen oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Kajang Selangor).
- Pamflet Penjara Sejahtera: Apa? Mengapa? Bagaimana? Di mana? oleh Jabatan Penjara Malaysia.
- Pamflet Program Pembangunan Insan oleh Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor).
- Pamflet Rumah Perantaraan oleh Unit Rumah Perantaraan Bahagian dan Perkhidmatan Komuniti, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Kajang Selangor.
- Pamflet Sistem Parol Jabatan Penjara Malaysia oleh Bahagian dan Perkhidmatan Komuniti, Ibu Pejabat Penjara Malaysia Kajang Selangor.
- Peraturan-Peraturan Penjara 1953 (Pindaan 2000)
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia. 2011. Perasmian Program Pemasyarakatan Banduan di Kem Syed Sirajuddin Gemas Negeri Sembilan. [http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/beritaterkini?fac\\_next\\_page=htdocs/beritaTerkini/ViewBerita.jsp?id=1252](http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/biru/beritaterkini?fac_next_page=htdocs/beritaTerkini/ViewBerita.jsp?id=1252) [23 Mac 2015]
- Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri. 2015. Lembaga Parol. <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/lembaga-parol> [23 Mac 2015]
- Raja Badrol Hisham bin Raja Mohd Ali. 2014. Kertas Kerja: Keberkesanan Konsep Pemulihan dan Keadilan Restoratif dalam Hukuman. *Seminar Undang-Undang dan Masyarakat II: Menambahbaik Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah di Malaysia* pada 3 April 2014 bertempat di Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Siti Nur Fadzliana Ahmad Fesol. 2013. *NBOS Strategi Lautan Biru Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Penerbitan Dasar Negara.

TKPj Jamaludin Saad, Pengarah, Bahagian Pengurusan Banduan Jabatan Penjara Malaysia, Pemulihan Pesalah Syarie Jabatan Penjara Malaysia. Slaid, Persidangan Meja Bulat Kali Kedua Anjuran Grup Penyelidikan FRGS/2/2013/SSI10/UKM/02/8 bertempat di Hotel Puri Pujangga UKM pada 30 April 2015.

Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Omar, Ucapan Perasmian, Seminar Sejarah Penubuhan Penjara Malaysia, 16 Oktober 2014, Bilik Persidangan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Anjuran Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Pusat Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Zaini Hj Abd Ghani. 2011. ATM Jabatan Penjara sepakat laksana Pemulihan Pemasyarakatan. *Berita Tentera Darat Malaysia*. Bil. 191. <http://mybtdm.net/arkibpdf/191.pdf>. [5 Mac 2015]

#### PENGARANG

Hasnizam Hashim, PhD. (Main & Corresponding Author)  
Fakulti Syariah & Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
[hasnizam@usim.edu.my](mailto:hasnizam@usim.edu.my)

Hendun Abd. Rahman Shah, PhD.  
Fakulti Syariah & Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
[hendun@usim.edu.my](mailto:hendun@usim.edu.my)

Ahmad Syukran Baharuddin, PhD.  
Fakulti Syariah & Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
[ahmadsyukran@usim.edu.my](mailto:ahmadsyukran@usim.edu.my)

Mualimin Mochammad Sahid, PhD.  
Fakulti Syariah & Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
[mualimin.sahid@usim.edu.my](mailto:mualimin.sahid@usim.edu.my)

Syaryanti Hussin, PhD.  
Fakulti Syariah & Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
[syaryanti@usim.edu.my](mailto:syaryanti@usim.edu.my)